

## **PENERAPAN MODEL KOLABORATIF e-LEARNING DALAM KURSUS TITAS MOOC DAN APLIKASINYA DALAM PLATFORM OPENLEARNING VERSI 02**

Ahmad Nasir Mohd Yusoff<sup>1</sup>  
Noralina Ali<sup>2</sup>

### **ABSTRAK**

*Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) Mata Pelajaran Umum (MPU) di universiti-universiti awam (UA) dan swasta (US) seperti TITAS, Hubungan Etnik, Pengajian Malaysia, Pengajian Islam dan Bahasa Melayu Komunikasiperlu berubah dengan kemunculan pendidikan alaf 21 ini. Kaedah P & P (pengajaran dan pembelajaran perlu beralih daripada tradisi kepada moden tanpa meninggalkan falsafah 'talaqqi'. Pensyarah tidak lagi menyampaikan kuliah dalam bentuk satu hala dan pelajar hanya mendengar, mencatat dan menerima sahaja tanpa ada tindakbalas pelajar yang masih dalam kerangka 'pedagogi'. Amalan inovasi P & P dibangunkan dalam usaha melahirkan modal insan yang celik IT,seimbang dengan 'Lonjakan 9' iaitu Pembelajaran Dalam talian Tahap Global dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). PSPTN ini mengariskan usaha mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020. Setiap institusi pendidikan UA (universiti awam) atau US (universiti swasta) perlu meningkatkan akses dan kualiti pendidikan tinggi. Pada masa yang sama memenuhi keperluan Gen 'Z' (Genzi) yang lebih kearah pembelajaran bersifat 'Heutagogi'. Dalam merealisasikan matlamat ini, teknologi dan inovasi seperti Massive Open Online Courses (MOOC) diwujudkan dan boleh diakses melalui platform 'openlearning'. Konsep pembelajaran bersepadu (blended learning) turut dilaksanakan secara aktif sejak tahun 2014lagi bagi menyokong aktiviti dalam MOOC dan kolaborasi dengan perkakasan Web 2.0 yang bersifat pembelajaran atas talian.*

**Kata Kunci :** Penerapan, Model Kolaboratif E-Learning, Kursus Titas MOOC, Aplikasi, Platform Openlearning

---

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan Dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,43400,UPM, Serdang, Selangor,

<sup>2</sup>Guru Pendidikan Islam. SMK Cyberjaya.63000. Cyberjaya. Selangor

## **PENGENALAN**

Kejayaan aplikasi TITAS MOOC dalam openlearning lebih terserlah apabila adanya kolaborasi dengan aplikasi-aplikasi lain dalam talian seperti perkakasan Web 2.0. Untuk penulisan ini pendekatan kolaborasi yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah iaitu dengan memuat turun aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam talian yang sesuai dengan ciri pendidikan 4.0, disesuaikan dengan bab-bab yang terdapat dalam kursus MPU seperti TITAS. Aktiviti-aktiviti dijalankan dengan mempraktikkan perkakasan kolaborasi *eLearning* ini dan hasil kerja pelajar di 'upload' dalam platform openlearning. Kaedah observasi dilakukan dalam bilik-bilik kuliah dan pensyarah mempraktikkan bersama pelajar dalam bilik-bilik kuliah. Bagi memastikan model 'collaborative eLearning' ini dilestarikan pensyarah perlu bijak untuk mengenalpasti suasana P &P, aplikasi yang sesuai, keperluan pembelajaran pelajar bagi menyelesaikan masalah pelajar yang mempamerkan rasa kurang minat belajar atau hilang fokus dan digantikan. Aplikasi model yang dibangunkan ini dengan mempraktikkan 'tool' yang sedia ada dalam talian antaranya aplikasi Web 2.0

## **OBJEKTIF**

Tujuan pembelajaran kolaboratif menggunakan aplikasi 'tools' antara lain adalah untuk

- menggunakan kebolehan pelajar yang berbeza semasa aktiviti kolaboratif dijalankan melalui medium aplikasi e-learning disebabkan perkara berikut :
  - a) belajar itu sifatnya aktif dan konstruktif
  - b) belajar berasaskan silibus
  - c) pelajar sendiri berbeza latar belakang pendidikan, keluarga dan sebagainya
  - d) belajar itu perlu ada sosial interaktif antara pelajar dengan pemnsyarah dan sesame pelajar
- mentransformasi peranan pelajar sebagai pendengar, pemerhati dan pencatit kepada seorang yang aktif berbincang, melontar idea dan menyelesaikan masalah dalam platform e-learning
- meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar yang rendah kepada tahap minat yang tinggi melalui aplikasi 'tools' e-learning
- menyelesaikan isu-isu pembelajaran atau tugas yang dilakukan secara perseorangan kepada kerjasama ahli kumpulan daripada kaedah tradisi kepada aplikasi 'tools' e learning

- mengutamakan idea dan perkongsian rakan sekuliah secara bersama dan tidak lagi dilakukan secara individu
- menghilangkan persaingan antara rakan sekuliah kepada kolaborasi bersama rakan sekuliah
- menggalakkan pembelajaran secara kumpulan dan bukan lagi secara individu
- pembelajaran tidak lagi berfokuskan kepada maklumat atau ilmu yang disampaikan pensyarah atau buku teks tetapi juga boleh diperoleh menerusi perbincangan rakan sekuliah (Student Centered Learning) dengan menggunakan ‘tools’

### **KEBAIKAN KOLABORATIF ELEARNING DALAM KURSUS TITASMOOC**

Pembelajaran kolaboratif berperanan menjadikan pelajar lebih aktif belajar dan menyelesaikan masalah dalam pembelajaran. Pembelajaran secara kolaboratif dengan mengaplikasikan perkakasan Web 2.0 dalam platform openlearning termasuk untuk kursus MOOC TITAS antara kaedah terbaik memastikan aktiviti berjalan lancar dan tugas dapat disempurnakan meskipun pelajar terlibat berbeza latar belakang budayadan pengalaman hidup. Antara kebaikan kolaboratif eLearning ini :

- Menyediakan ruang dan peluang pelajar belajar dalam kumpulan untuk tugas dan projek terutama yang melibatkan projek berskala besar, rumit atau bilangan pelajar yang ramai
- Mengaplikasikan pelbagai tools yang boleh berkolaborasi dengan MOOC dalam platform openlearning
- Menjadikan suasana kuliah agak ‘happening’, ceria, interaktif, inovatif antara pensyarah dengan pelajar dan sesama pelajar.

### **CIRI-CIRI PEMBELAJARAN KOLABORATIF PELAJAR MENGGUNAKAN E-LEARNING DALAM PLATFORM OPENLEARNING**

- Pelajar belajar dalam satu kumpulan dan memiliki rasa kebergantungan dalam proses belajar, penyelesaian tugas kumpulan memastikan semua ahli kumpulan berkerjasama.
- Wujud interaksi intensif secara ‘face to face’ antara ahli kumpulan dan pensyarah sama ada secara realiti dan atas talian .
- Masing-masing pelajar bertanggung jawab terhadap tugas yang dipersetujui.
- Pelajar berupaya belajar dan memiliki penampilan komunikasi interpersonal.
- Peranan pensyarah sebagai moderator / penyelia memastikan setiap aktiviti antara pelajar berlaku dan terlibat.

- Adanya *sharing* pengetahuan dan interaksi antara guru dengan pelajar, atau pelajar dengan pelajar.
- pengelompokkan berlaku dalam bentuk ‘heterogen’.

**CONTOH-CONTOH PERKAKASAN (TOOLS) KOLABORATIF ELEARNING DALAM DALAM UNTUK AKTIVITI KURSUS TITAS MOOC**

Terdapat beberapa ‘tools’ Web 2.0 yang mewakili elemen koswer, aktiviti, kuiz dan tugas yang boleh dipilih pensyarah untuk aktiviti dalam platform openlearning agak nampak lebih aktif lagi interaktif. Berikut adalah struktur reka bentuk model MOOC dan kolaborasi Web 2.0 dalam ePembelajaran antaranya :

<b>AKTIVITI</b>	<b>PERKAKASAN WEB 2.0</b>	<b>AKTIVITI</b>	<b>PERKAKASAN WEB 2.0</b>	
e-kandungan	Padlet,	e-aktiviti	aurasma	
Video syarahan	Edmodo	quizzes	,quizziz	
Video tutorial		Soalan penilaian sendiri	1+2+3, Think, Pair & Share	
Video kajian lapangan		Naik turun video sendiri	Canva	
Video kajian kes		Aktiviti berasaskan projek	Trello	
Video konferensi-secara langsung		Aktiviti atas talian interaktif	RPG Maker	
Video latih tubi		Tugasan lapangan		
Slide syarahan interaktif		Aktiviti diskusi kumpulan		
Bahan koswer tambahan interaktif		Gamifikasi	Kahoot	
Brainstorming		Poll everywhere	Mindmapping	, mindmeister

## **STRATEGI PERLAKSANAAN**

- kenalpasti ‘learning outcomes’ untuk setiap tugas atau projek yang akan dilaksanakan pelajar
- bentukkan ‘kumpulan. Sebaiknya ahli kumpulan adalah yang ‘heterogeneous’ (campur jantina, bangsa, agama,kepakaran atau disiplin ilmu)
- berikan taklimat kepadapelajar dan peranan masing-masing (ketua /fasilitator,juru rekod,juru cakap,juru catat,pembentang dan lain-lain)-sebaiknya biarkan pelajar bersifat mandiri dan bertanggungjawab
- bina rubrik untuk menilai sumbangan individu/kumpulan dengan merujuk kepada atribut dan subatribut dalam iCGPA
- pilih aplikasi Web 2.0 yang sesuai mengikut aktiviti yang ingin dijalankan, kuiz, koswer dan ujian

## **MOD PEMBELAJARAN**

- kaedah pembelajaran adalah dalam bentuk ‘kumpulan’ manakala tugas boleh dihantar sama ada secara individu,atau kumpulan atau kedua-duanya sekali
- pembelajaran berlangsung secara bersemuka dan jugaatastalian menerusi platform Openlearning untuk MOOCTITAS dan kolaboratifdengan aplikasi Web 2.0

## **PENILAIAN**

- Bagi menilai hasil tugas pelajar satu rubrik yang sesuai perlu dibangunkan.
- Penilaian dalam rubrik bergantung kepada jenis tugas dan memenuhi hpk (hasil pembelajaran kursus)
- Sebagai alternatif penilaian boleh juga dengan meminta pelajar menyiapkan tugas secara kolaboratife seperti menyediakan kertaskerja,projek,laporan atau pembentangan yang menunjukkan hasil usaha pelajar melakukan tugas projek sebagai kerja kumpulan
- Penilaian juga boleh dilakukan secara ‘peeragogy’ antara ahli kumpulan untuk pemarkahan atau tambah nilai untuk gred.
- Tugas ini kemudiannya diletakkan dalam platform openlearning dengan menggunakan pelbagai ‘tools’ web 2.0.

## **KESIMPULAN**

Penerapan model kolaboratif e-Learning dalam kursus TITAS MOOC dan aplikasinya dalam platform openlearning versi 02 dapat dilakukan dengan baik apabila wujudnya kesedaran tinggi dalam kalangan pensyarah. Reka bentuk model kolaboratif eLeaaning bertujuan untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih flexibel, perintis dalam mengaplikasikan Web 2.0 dan disesuaikan dengan keperluan pendidikan ‘Genzi’ dan pendidikan dalam industri 4.0. pada masa yang sama memudahkan perancangan aktiviti MOOC yang menarik atas talian, menyokong komuniti pembelajaran seopanjang hayat, membina hubungan interaktif bermakna antarapensyarah dengan pelajar,pelejarsesama pelajar,serta memenuhi amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPS) yang memerlukan strategi,teknik,reka bentuk pengajaran dan pembelajaran yang terbukti amat bermanfaat kepadaketerlibatan pelajar dan pembelajaran berkesan bagi pelajar yang datang daripadapelbagai latar belakang.

## **RUJUKAN**

- Curtis J. Bonk. 2015. MOOCs and Open Education Around the World 1st Edition. Routledge; 1 edition
- Elizabeth F. Barkley. 2014. Collaborative Learning Techniques: A Handbook for College Faculty 2nd Edition. Jossey-Bass; 2 edition.
- Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua.2016.Jabatan Pendidikan Tinggi. Kementerian Pendidikan Tinggi
- Guideline For The Implementation Of HIEPS. 2016. Terbitan CADe.UPM. Serdang,Selangor
- Gwen Solomon. 2014.Web 2.0 How-to for Educators, Second Edition. International Society for Technology in Education; Second, Revised and Expanded edition.
- Mohamed Amin Embi. 2018. Heutagogical Tools For Engaging Thedigital Natives : A Quick Guide. Centre Forteaching & Learning Technologies.UKM.
- Sharon E. Smaldino. Instructional Technology and Media for Learning, Enhanced Pearson eText -- Access Card (11th Edition). Pearson; 11 edition.